



# Laporan Tahunan 2017

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

**S**TRATEGY ORIENTED, **P**RODUCTIVITY, **A**CCOUNTABILITY, **N**EUTRALITY, **S**PED



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK**

# ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK  
2017



## ISI KANDUNGAN

|    |  |    |   |
|----|--|----|---|
| 2  | Perutusan Pengerusi                                  | 21 | Struktur Organisasi SPANS                       |
| 4  | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) | 23 | Senarai Perjawat dan Kakitangan                 |
| 7  | Mukadimah SPANS                                      | 26 | Kewangan 2017                                   |
| 9  | Sejarah SPANS  | 28 | Pengambilan                                     |
| 11 | Mantan-mantan Pengerusi SPANS                        | 31 | Kenaikan Pangkat                                |
| 13 | Visi & Misi SPANS                                    | 34 | Perkhidmatan                                    |
| 15 | Fungsi-fungsi SPANS                                  | 36 | Tatatertib                                      |
| 17 | Perwakilan Kuasa                                     | 38 | BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BPKNS |
| 19 | Sumber Rujukan Utama Mengendali Perkhidmatan         | 40 | Galeri  |

# **PERUTUSAN PENGERUSI**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# PERUTUSAN PENGERUSI

## PerutusanPengerusi

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*



Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnianya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan untuk tahun 2017 sejajar dengan keperluan Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak kerana memberikan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya sepanjang tahun 2017.

Tahun 2017 memperlihatkan SPANS meneruskan visinya untuk mencapai transformasi suruhanjaya perkhidmatan awam bertaraf dunia, bukan sahaja dengan memantapkan perkhidmatannya, tetapi dengan menjawai nilai-nilai bersama PANS dalam penyampaian perkhidmatan. SPANS amat mengambil berat isu-isu yang melibatkan tanggungjawabnya yang termaktub dalam Perlembagaan seperti isu kebanjiran sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam, kebebasan kehakiman, hak terhadap kesamarataan dan hak asasi manusia dalam perkhidmatan awam. Dengan penjiwaan nilai-nilai ini serta kepekaan terhadap isu-isu semasa, SPANS dapat merakyatkan perkhidmatannya kepada masyarakat. SPANS turut bergerak ke arah pendekatan digital dalam penyampaian perkhidmatan selari dengan perkembangan ekonomi digital mutakhir ini.

Sehubungan itu, jutaan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, semua Ketua Jabatan, Setiausaha Tetap Kementerian dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2017. Moga kerjasama sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kecemerlangan perkhidmatan awam.

Ucapan penghargaan juga kepada Timbalan Penggerusi, semua Ahli dan Urusetia SPANS atas komitmen yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas masing-masing. Momentum, semangat berpasukan dan budaya-budaya positif yang sedia ada harus dikekalkan dan ditingkatkan pada masa akan datang supaya SPANS terus maju ke hadapan dalam menyampaikan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

  
(DATU ABDUL GHAFUR BIN SHARIFF)  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Negeri Sarawak



# LOGO SPANS

## Tiga Warna Asas

mewakili warna bendera Negeri Sarawak.

## Bulatan

melambangkan tenaga dan kekuatan serta kemampuan untuk membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

## Dua belas

jalur merah melambangkan dua belas bahagian yang terdapat di Negeri Sarawak



## Warna hitam

memberi maksud keteguhan, dedikasi dan sentiasa bersedia. Keteguhan yang dimaksudkan di sini ialah keteguhan di dalam menjalankan perkhidmatan serta dedikasi di samping setia berkhidmat sesuai visi dan misi Suruhanjaya.

## Warna kuning

menggambarkan kepatuhan kepada Perundangan dan Peraturan serta mengamalkan prinsip keadilan dan kesaksamaan.

## Warna merah


melambangkan ketegasan dan ketelusan dalam menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

**S**peed @ Sense of Urgency  
**P**roductivity @ Professionalism  
**A**ccountability & Integrity,  
**N**eutrality & Impartiality  
**S**tATEGY Oriented

# Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS)

## Pengerusi dan Ahli SPANS

Menurut Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak (Pindaan 1993), keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat (4) atau tidak lebih daripada sembilan (9) orang ahli. Keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:



## Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Bersama Setiausaha Suruhanjaya (2017)



### Susunan Pengenalan

Berdiri dari kiri: **Datu Abdillah bin Adam (Ahli)**, **Encik Chai Moi Fong (Ahli)**, **Tuan Haji Adana bin Haji Jed (Setiausaha Suruhanjaya)**, **Dr. Peter Songan (Ahli)**, dan **Datu Robert Lian Balangalibun (Ahli)**

Duduk dari kiri: **Datu Romie Sigan Daniel (Timbalan Pengurus)**, **Datu Abdul Ghafur bin Shariff (Pengurus)**, dan **Datu Hajah Rabiah binti Haji Johari (Ahli)**.



# MUKADIMAH SETIAUSAHA

# MUKADIMAH

## MUKADIMAH

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SPANS 2017 ini merangkumi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh SPANS dan yang telah diwakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-kuasa), 2004 berkuatkuasa mulai 17 Januari 2004.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak tujuh ratus sembilan (709) jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diisi. Ia merangkumi; dua puluh lapan (28) untuk gred 41, dua puluh enam (26) untuk gred 29, dua ratus tiga puluh enam (236) untuk gred 19 dan empat ratus sembilan belas (419) untuk gred 11. Di samping itu, sebanyak 8 jawatan kosong gred 41 di bawah Arahan Suruhanjaya (Penurunan Kuasa) 2004 juga telah diisi.

Pada tahun 2017, SPANS telah mengadakan mesyuarat pengurusan; *General Management Advisory Committee* (GMAC) yang dianggotai Ahli Suruhanjaya dan Urusetia SPANS pada setiap sukuan tahun. Manakala mesyuarat SPANS, forum bagi memutuskan syor dan cadangan pelantikan, kenaikan pangkat dan kes-kes kawalan disiplin telah diadakan sebanyak 12 kali.





# **SEJARAH SPANS**

# SEJARAH PENUBUHAN

## Sejarah Penubuhan



telah ditubuhkan pada 1 November 1961 di bawah *The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council, 1961*. Ia berfungsi untuk menasihati Gabenor selaras dengan *Order in Council* tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963.

Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang ahli.

Manakala kakitangan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh seorang Setiausaha dilantik untuk membantu Suruhanjaya sebagai urusetia kepada pentadbiran dan urusan harian SPANS.





# **MANTAN-MANTAN PENGERUSI SPANS**

# MANTAN-MANTAN PENGERUSI

## MANTAN-MANTAN PENGERUSI SPANS

Mr. Richard Leslie Vaughan Wilkes  
(1 November 1961 – 4 Mac 1964)

1.



Mr. F.R.K. Kitto  
(5 Mac 1964 – 23 Februari 1967)

2.



Datuk John Nichol anak Kassim  
(15 Mac 1967 – 14 Mac 1971)

3.



Datuk Dominic A. Dago anak Randan  
(15 Mac 1971 – Disember 1973)

4.



5.



YABhg. Tun Pehin Sri  
Abang Haji Muhamad Salahuddin  
(Januari 1974 – 1 April 1977)

6.



Datuk Haji Tuah  
Johari bin Haji Bojeng  
(2 April 1977 – 12 September 1983)

7.



Datuk Wan Hashim  
bin Datuk Tuanku Taha  
(1 November 1983 – 31 Oktober 1989)

8.



Tan Sri Datuk Amar  
Haji Hamdan Sirat  
(15 Disember 1989 – 14 Jun 2005)

9.



Datu Haji Hamzah  
bin Haji Drahman  
(1 Julai 2005 – 30 Jun 2011)



# **VISI & MISI SPANS**

# VISI & MISI SPANS

# V

# UISI

Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia pada 2030.



# M

# MISI


Kami Komited Menyedia Modal Insan Yang Berkualiti Dengan Cekap Dan Berkesan Bagi Mencapai Perkhidmatan Awam Cemerlang.





# **FUNGSI-FUNGSI SPANS**

# FUNGSI-FUNGSI SPANS



Bermula pada 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya *Local Authority Service Regulations 2000*, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan jawatan dalam perkhidmatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala kelulusan untuk Pemberian Taraf berpencen adalah bidang kuasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.



# **PERWAKILAN KUASA**

# PERWAKILAN KUASA

# PERWAKILAN KUASA KEPADA

## SUK & KETUA JABATAN

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-kuasa), 1998.

## SUK

**Mengesahkan pelantikan** mana-mana jawatan pegawai **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak).

**Pertukaran tempat bertugas** mana-mana pegawai awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.

**Melantik** mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing bagi **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan tersebut bertaraf tetap dan berpencen, tetap dan tidak berpencen, atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara.

**Menamatkan pelantikan perkhidmatan** mana-mana pegawai yang dilantik seperti yang dinyatakan yang **masih di dalam tempoh percubaan**.

**Melanjutkan tempoh percubaan** pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96).

**Melantik dan menamatkan pelantikan memangku** atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi **tidak melebihi 180 hari bekerja** kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS.



# **Sumber Rujukan Utama Mengendali Perkhidmatan**

# Sumber Rujukan Utama Mengendali Perkhidmatan

**Perlembagaan Malaysia**

**Perlembagaan Negeri Sarawak**

**Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996 (SWK. LN 14/1996)**

**Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996 (SWK. LN. 1/1996)**

**Local Authorities Sarawak Regulation 2000 (SWK. LG.16/2000)**

Selain menguatkuasa pemakaian Pekeliling, Surat Pekeliling & *Internal Policy* yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dalam menjalankan peranan dan fungsi SPANS sebagai pihak berkuasa melantik kepada Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan agensi Pihak Berkuasa Tempatan, sumber rujukan utama adalah seperti berikut;






# CARTA ORGANISASI SPANS

# CARTA ORGANISASI

## CARTA ORGANISASI

Bagi membantu SPANS dalam melaksanakan peranan dan fungsi. Suruhanjaya mempunyai 38 orang kakitangan, dan dibahagikan kepada empat (4) Bahagian, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Kenaikan Pangkat dan Tatatertib, Bahagian Pengambilan serta Perkhidmatan dan Bahagian Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak.





# **SENARAI PERJAWATAN & KAKITANGAN**

# SENARAI PERJAWATAN & KAKITANGAN SPANS

## SENARAI PERJAWATAN DAN KAKITANGAN SPANS TAHUN 2017

| Bil           | Nama & Gred Jawatan   | Taraf Jawatan | Bil. Jawatan | Penyandang   |
|---------------|---|---------------|--------------|--|
| 1.            | Setiausaha, N54   | Tetap         | 1            | Haji Adana bin Haji Jed  |
| 2.            | Penolong Setiausaha, N48  | Tetap         | 1            | Sebi bin Haji Abang  |
| 3.            | Penolong Setiausaha, N41  | Tetap         | 3            | a) Siti Rafeah binti Abdul Rahman<br>b) Katherina Bidi anak Robert Bidi<br>c) Khairul Ridza bin Wahed  |
| 4.            | Penolong Setiausaha, N41  | JBC           | 2            | a) Julia Ho binti Mohd Jeffri<br>b) Rafi'uddin bin Rasmam  |
| 5.            | Penolong Pegawai Tadbir N36   |               | 1            | Dayang Maskamala binti Abang Sebli   |
| 6.            | Penolong Pegawai Tadbir, N29  | Tetap         | 2            | a) Amrul bin Haji Yusup<br>b) Muhamad Hafiz bin Kipli  |
| 7.            | Penolong Pegawai Tadbir, N29  | JBC           | 1            | Dayang Normasni binti Abang Julaihi  |
| 8.            | Setiausaha Pejabat, N29   | Tetap         | 1            | Favarina binti Bujang  |
| 9.            | Setiausaha Pejabat, N29   | JBC           | 1            | Nur Ain binti Jarawi   |
| 10.           | Pembantu Tadbir (P/O), N22  | Tetap         | 2            | a) Mohd. Easkandar bin Mohd. Eastern<br>b) Abdul Aziz bin Abdul Razak  |
| 11.           | Pembantu Tadbir (Kewangan), W22   | Tetap         | 1            | Zallina binti Seron  |
| 12.           | Pembantu Tadbir (Kewangan), W19   | Tetap         | 2            | a) Julipah binti Sutiman<br>b) Simbah anak Libu  |
| 13.           | Pembantu Tadbir (P/O), N19  | JBC           | 1            | Stepfanie anak James   |
| 14.           | Pembantu Tadbir (P/O), N19  | Tetap         | 8            | a) Dennis Seman anak Wilfred Busu<br>b) Muhammad Akmal bin Ismani<br>c) Ali bin Mohamad<br>d) Corina anak Bernard<br>e) Hassanah binti Jainal<br>f) Monica anak Sapin<br>g) Nyam Siew Ling<br>h) Endu Maureen anak Nicholas Juna |
| 15.           | Pembantu Tadbir (P/O), N19.<br><i>(Tukar Lantik dari jawatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaiap), N11)</i> | Tetap         | 4            | a) Kosong (Puan Masni – Bersara)<br>b) Hajah Norliza binti Haji Pitani<br>c) Hadzilina binti Drahim<br>d) Rosemaria anak Jeron   |
| 16.           | Pembantu Tadbir Rendah, N19 (TBK)   | JBC           | 1            | Rozita binti Daud  |
| 17.           | Pembantu Am Rendah, N1  | Tetap         | 1            | Matlan bin Saleman   |
| 18.           | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3  | Tetap         | 3            | a) Masri bin Kamuri<br>b) Abdul Halim bin Jarni<br>c) Welfread Semister anak Hong Ping   |
| 19.           | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3  | JBC           | 1            | Azlan Adidi bin Jamal  |
| 20.           | Pekerja Rendah Awam, H11  | Tetap         | 2            | a) Dayang Konon binti Awang Johari<br>b) Elizabeth Khung   |
| <b>JUMLAH</b> |   |               | <b>38</b>    |  |

*Nota:* JBC : Jawatan Berasaskan Caruman

## Urusetia Pengurusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Tahun 2017



**Duduk Dari Kiri:** Encik Sebi bin Haji Abang, Pegawai Tadbir N48; Tuan Haji Adana bin Haji Jed, Setiausaha N54; Cik Siti Rafeah binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Tadbir N41.

**Berdiri Dari Kiri:** Encik Rafi'uddin bin Rasman, Pegawai Tadbir N41 (JBC); Puan Dayang Maskamala binti Abang Sebli, Pen. Pegawai Tadbir N36; Encik Muhamad Hafiz bin Kepli, Pen. Pegawai Tadbir N29; Encik Khairul Ridza bin Wahed, Pegawai Tadbir N41 dan Encik Amrul bin Yusop Pen. Pegawai Tadbir N29.

**Tiada dalam gambar dengan izin:** Cik Katherina Bidi anak Robert Bidi, Pegawai Tadbir N41 dan Cik Julia Ho binti Mohd. Jeffery, Pegawai Tadbir N41 (JBC).




**Gambar Semua Kakitangan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Bagi Tahun 2017**

# **KEWANGAN 2017**



# KEWANGAN



**PR:** RM2,851,751.00  
**PB:** RM2,374,287.08



**PR:** RM899,010.00  
**PB:** RM787,878.94



**PR:** RM1,150.00  
**PB:** RM955.5



**PR:** RM4,035,872.00  
**PB:** RM4,017,214.49



**PR:** RM7,787,783.00  
**PB:** RM7,180,336.01

**PR:** Peruntukan  
**PB:** Perbelanjaan



# PENGAMBILAN



# PENGAMBILAN

## Pemohon Mendaftar Dalam e-Recruitment pada Tahun 2017

**184,738  
ORANG**



**325,791**  
Permohonan

## Permohonan Jawatan Kosong

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 325,791 permohonan telah didaftarkan untuk mengisi 709 jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan agensi Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap pemohon dibenar memohon lebih dari satu jawatan kosong. Komposisi permohonan mengikut gred jawatan dan gender

**3,867**  
Permohonan

## Calon Dipanggil Temuduga

Jumlah calon yang berjaya melepas tapisan dan menghadiri sesi temuduga mengisi jawatan kosong sepanjang tahun 2017 adalah 3,867 orang. Pecahan mengikut gred jawatan dan gender calon

|  | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|--|--------|-----------|--------|
|--|--------|-----------|--------|

|         |       |       |       |
|---------|-------|-------|-------|
| Gred 41 | 1,941 | 3,646 | 5,587 |
|---------|-------|-------|-------|

|         |       |        |        |
|---------|-------|--------|--------|
| Gred 29 | 9,272 | 19,306 | 28,578 |
|---------|-------|--------|--------|

|         |        |         |         |
|---------|--------|---------|---------|
| Gred 19 | 89,928 | 133,754 | 223,682 |
|---------|--------|---------|---------|

|         |        |        |        |
|---------|--------|--------|--------|
| Gred 11 | 42,718 | 25,226 | 67,944 |
|---------|--------|--------|--------|

|  |         |         |         |
|--|---------|---------|---------|
|  | 143,859 | 181,932 | 325,791 |
|--|---------|---------|---------|

|  | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|--|--------|-----------|--------|
|--|--------|-----------|--------|

|         |    |    |     |
|---------|----|----|-----|
| Gred 41 | 65 | 89 | 154 |
|---------|----|----|-----|

|         |    |     |     |
|---------|----|-----|-----|
| Gred 29 | 49 | 101 | 150 |
|---------|----|-----|-----|

|         |     |     |       |
|---------|-----|-----|-------|
| Gred 19 | 580 | 982 | 1,562 |
|---------|-----|-----|-------|

|         |       |     |       |
|---------|-------|-----|-------|
| Gred 11 | 1,604 | 397 | 2,001 |
|---------|-------|-----|-------|

|  |       |       |       |
|--|-------|-------|-------|
|  | 2,298 | 1,569 | 3,867 |
|--|-------|-------|-------|



# PENGAMBILAN

**709**  
Orang

## Calon Yang Berjaya


Daripada 3,867 calon yang dipanggil temuduga untuk mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuastra Tempatan (PBT), hanya 709 orang calon telah dipilih.

### Pengambilan di bawah Perwakilan Kuasa

Di bawah Arahan **Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa)** 2004, urusan pengambilan yang dijalankan oleh **Ketua-Ketua Jabatan** dalam tahun **2017** adalah seperti berikut:

| JABATAN                                | JUMLAH KEKOSONGAN | JUMLAH PEMOHON | *JUMLAH DITEMUDUGA | JUMLAH DIPILIH |
|--|-------------------|----------------|--------------------|----------------|
| 1. Jabatan Pengairan & Saliran Sarawak | 8                 | 1,825          | 48                 | 8              |
| 2. Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak    | 33                | 32,855         | 167                | **0            |
| 3. Jabatan Hutan Sarawak               | 32                | 9,471          | 22                 | **0            |
| 4. Jabatan Pertanian Sarawak           | 35                | 22,659         | 86                 | **0            |
| Jabatan Agama Islam Sarawak            | 6                 | 17,773         | 26                 | **0            |
| <b>Jumlah keseluruhan</b>              | <b>114</b>        | <b>84,583</b>  | <b>349</b>         | <b>8</b>       |

\* Urusan Pengambilan diturunkuasa kepada SUK & Ketua Jabatan.



### Pelantikan Semula Selepas Bersara



\* Calon Berjaya melepas saringan Ujian Pengambilan Lantikan Baru (UPLB), Pusat Penilaian, Ujian Psychology & Competency-Based Structured Interview.

\*\* Pada tarikh laporan ini disediakan, tiada maklumat calon terpilih dinyatakan kerana temuduga dianjurkan pada bulan (Januari / Februari) 2018.  
(Sumber Maklumat: Unit Sumber Manusia Negeri).




# KENAIKAN PANGKAT

# KENAIKAN PANGKAT

## Kenaikan Pangkat Secara Hakiki

Bagi tempoh bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017, seramai 704 orang calon telah dipanggil untuk sesi temuduga. Daripada jumlah itu seramai 280 kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat oleh Suruhanjaya.



## Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Terdapat pengurangan dalam pengisian jawatan kosong kumpulan P&P di antara tahun 2016 dan 2017 berikut perkara di bawah:-

- Kebanyakan pegawai gred 41 telah dinaikkan secara fleksi mulai tahun 2015 dan 2016.
- Pegawai gred 44, 48 dan 52 baru dinaikkan pangkat pada tahun 2016 Dan tidak layak diperakukan pada tahun 2017.
- Kurang pewujudan jawatan baru kenaikan pangkat.

## Kumpulan Pelaksana


Terdapat pengurangan dalam pengisian jawatan kosong kumpulan Pelaksana di antara tahun 2016 dan 2017 berikut perkara di bawah:-

- Kuatkuasa pekeliling bagi penjumlahan gred N1, N4, 11, J17, G17 ke gred N19, J29 dan G29 berkuatkuasa 1 Julai 2013 maka tiada pengisian bagi gred 22, 26 dan 28 bagi skim bukan gunasama.
- Jawatan 22 dan 26 bagi skim Pelaksana telah diisi pada tahun 2016.
- Pewujudan jawatan baru selepas penstrukturran semula Jabatan Kerja Raya telah diisi pada tahun 2016.
- Pelaksanaan pekeliling ‘Time Based’ Kecemerlangan (TBK) 13 tahun berkuatkuasa 1 Julai 2013.

# KENAIKAN PANGKAT

## Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

Bagi urusan kenaikan pangkat secara TBK, seramai 109 orang kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat untuk tempoh bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Pecahan bilangan mengikut gred jawatan dan kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut;



Jumlah adalah bergantung kepada kelayakan pegawai kalau dibandingkan dalam tahun 2016 di mana ramai pegawai yang layak untuk dinaikkan pangkat melalui proses Kenaikan Pangkat secara TBK.

# **PERKHIDMATAN**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# PERKHIDMATAN

## 425orang

\*Diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengikut Arahan Suruhanjaya (Perwakilan Kuasa) 2004

**1539**

### Pengesahan Jawatan Dalam Perkhidmatan

Suruhanjaya meluluskan perakuan pengesahan dalam perkhidmatan setelah diproses mengikut Kaedah 10 (1) & (2) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak serta mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah - Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

**1128**  
PANS  
**411**  
PBT

**450**  
Gred 11  
**318**  
Gred 11

**253**  
Gred 19  
**55**  
Gred 19

**316**  
Gred 29  
**38**  
Gred 29

**109**  
Gred 41  
**0**  
Gred 41

**77**

### Perlanjutan Tempoh Percubaan

Perlanjutan tempoh percubaan bagi kakitangan PANS dan PBT mendapat kelulusan Suruhanjaya setelah diproses mengikut Kaedah 10(1), (2) & (3) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah- perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

**65**  
PANS  
**12**  
PBT

**15**  
Gred 11  
**4**  
Gred 11

**50**  
Gred 19  
**6**  
Gred 19

**0**  
Gred 29  
**2**  
Gred 29

**0**  
Gred 41  
**0**  
Gred 41

**128**

### Pemberian Taraf Berpencen

Pemberian taraf berpencen bagi kakitangan PANS yang membuat opsyen pencen adalah mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Perintah Am 30 (3) dalam Perintah – perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

**9**  
GRED 11

**40**  
Gred 19

**35**  
Gred 29

**44**  
Gred 41

**147**

### Pemangku & Penanggungan Kerja

Pelantikan memangku dan menanggung kerja yang diluluskan SPANS adalah untuk tempoh melebihi 180 hari sahaja. Bagi tempoh kurang 180 hari, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa ketua jabatan

**89**  
MEMANGKU  
**58**  
MENANGGUNG KERJA

0  
Jawatan-Jawatan Utama  
VU7-VU3

**82**  
Pengurusan & Profesional  
**47**  
Pengurusan & Profesional  
41-54

**4**  
Pelaksana II  
**5**  
Pelaksana II  
29-40  
**6**  
Pelaksana I  
1-26



# TATATERTIB

# TATATERTIB

PBT 4 (10%)

**39**

Kes Tatatertib  
Diputuskan

PANS 35 (90%)

Kes diputuskan mengikut  
Kaedah 39, Kaedah-Kaedah  
Suruhanjaya Perkhidmatan  
Awam, 1996 (KKSPA) dan  
Seksyen 18, Akta Acara  
Kewangan, 1957

PANS : Perkhidmatan  
Awam Negeri Sarawak

PBT : Pihak Berkuasa  
Tempatan



| Sektor | Kesalahan     | Hukuman Tatatertib                     | Pengurusan & Professional | Sokongan I | Sokongan II | Jumlah |
|--------|---------------|--|---------------------------|------------|-------------|--------|
| PANS   | Ponteng Kerja | Buang Kerja                            | -                         | 2          | 9           | 11     |
|        |               | Cela                                   | -                         | -          | 3           | 3      |
|        |               | i. Cela                                |                           |            |             |        |
|        |               | ii. Lucut hak Emolumen                 | -                         | 1          | 1           | 2      |
|        |               | Warta dibawah kaedah 28(3) KKSPA, 1996 | -                         | -          | 5           | 5      |
|        | Jenayah       | Buang Kerja                            | 2                         | -          | -           | 2      |
|        |               | Cela                                   | -                         | -          | 1           | 1      |
|        | Cuai          | Ingkar Perintah                        | Cela                      | -          | 1           | 1      |
|        |               | i. Cela                                | -                         | -          | -           |        |
|        |               | ii. Surcaj                             | 1                         | -          | -           |        |
|        |               | Cela                                   | 2                         | 1          | -           |        |
|        |               | i. Cela                                | -                         | -          | 1           | 1      |
|        |               | ii. Tangguh Pergerakan Gaji            |                           |            |             |        |
|        |               | iii. Surcaj                            | -                         | -          |             |        |
|        | Tidak Jujur   | Buang Kerja                            | -                         | -          | 1           | 1      |
|        | Dadah         | Buang Kerja                            | -                         | -          | 5           | 5      |
| PBT    | Ponteng Kerja | Buang Kerja                            | -                         | 1          | 2           | 3      |
|        |               | Warta dibawah Kaedah 28(3) KKSPA, 1996 | -                         | -          | 1           | 1      |
|        | Jumlah        |  | 5                         | 4          | 30          | 39     |





# **BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BPKNS**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

**25%**  
Pinjaman

**75%**  
Biasiswa

BPKNS merupakan skim bantuan kewangan kepada pelajar Sarawak peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui e-Scholarship.

\* Pinjaman Pendidikan tertakluk dengan syarat-syarat pembiayaan BPKNS

**Permohonan 2017 : 2,066**

**306**

Pelajar  
baru yang  
berjaya  
menerima  
BPKNS bagi  
tahun 2017


**196**  
64%

**110**  
36%



Daripada jumlah itu seramai 850 calon penerima BPKNS telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga

#### Penerima BPKNS mengikut Program & Peringkat Pengajian



**218**

Ijazah Sarjana Muda

**88**

Diploma

Peruntukan : RM4,000,000.00

Perbelanjaan : RM3,988,559.03 99.7%

## Status Bayaran Balik Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak

### AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Setakat 31 Disember 2017, jumlah bayaran balik yang masih tertunggak;

| Bil    | Tempoh ABT                             | Jumlah (RM)         | Tindakan Susulan  |
|--------|--|---------------------|---|
| 1.     | Hingga satu tahun                      | 56,861.75           |   |
| 2.     | Lebih dari satu tahun hingga dua tahun | 117,865.07          |   |
| 3.     | Lebih dari dua tahun hingga tiga tahun | 171,639.85          |   |
| 4.     | Lebih dari tiga tahun                  | 1,255,209.96        |   |
| Jumlah |  | <b>1,601,576.63</b> | Bagi mengurangkan ABT ini, urusetia BPKNS telah merancang dan bertindak secara berterusan menghubungi bekas pelajar tajaan menerusi telefon dan menghantar surat peringatan membayar serta notifikasi secara automatik menerusi e-mail dan SMS dalam sistem e-Scholarship pada setiap 28hb. |

### URUSAN KUTIPAN BAYARAN BALIK

Bayaran balik pinjaman yang ditetapkan kepada setiap pelajar adalah 25 peratus daripada jumlah tajaan. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM862,255.48 telah berjaya dikutip. Mod terimaan adalah seperti berikut;

| Jenis Hasil Kutipan                      | Mod Terimaan      |                   |                 |                          | Jumlah (RM)       |
|--|-------------------|-------------------|-----------------|--------------------------|-------------------|
|  | Kaunter (RM)      | Online (RM)       | Manual (RM)     | Electronic Fund Transfer |                   |
| BPKNS (85300)                            | 395,957.46        | 428,693.82        | 9,940.00        | 26,614.20                | <b>861,205.48</b> |
| *Sarawak Government Student Loan (85200) | 1,050.00          | 0                 | 0               | 0                        | <b>1,050.00</b>   |
| <b>Jumlah</b>                            | <b>397,007.46</b> | <b>428,693.82</b> | <b>9,940.00</b> | <b>26,614.20</b>         | <b>862,255.48</b> |

Kutipan bayaran balik ini meningkat sebanyak 1% (RM13,588.95) berbanding jumlah kutipan tahun 2016. Peningkatan ini berlaku setelah dipelbagaikan kaedah kutipan kepada peminjam menerusi potongan gaji, potongan tabung KWSP dan pembayaran atas talian.

\*Nota: Sarawak Government Student Loan hanya ditawarkan sehingga tahun 1974 dan digantikan dengan BPKNS



# GALERI

# SESI TEMUDUGA



**Temuduga dijalankan untuk beberapa fungsi SPANS iaitu pengambilan, kenaikan pangkat dan BPKNS**

1. Urusetia temuduga sedang mengendalikan pendaftaran calon yang hadir ke sesi temuduga
2. Panel temuduga bersiap sedia untuk sesi temuduga.

# 20 JANUARI 2017



## Majlis Makan Malam Penghargaan SPANS di Imperial Hotel Kuching: Tema – White & Denim

YBhg. Pengurus SPANS Datu Abdul Ghafur Shariff diiringi oleh Setiausaha SPANS, Hj Adana Jed menyampaikan tanda penghargaan kepada:

1. Dato' Nyomek anak Nyeap yang tamat perkhidmatan sebagai Ahli SPANS,
2. Encik Rosli Pandi,
3. Catherina anak Jackson Blanda dinaikkan pangkat, dan
4. Encik Hiprawi Arbi yang bersara wajib.



# 2 FEBRUARI 2017



*Gong Xi Fa Chai 2017*

# 20 FEBRUARI 2017



①



②



③



④

## Taklimat Biasiswa oleh Pegawai MARA dan Mesyuarat MBJ Siri 1/2017 di Hotel Premiera Kuala Lumpur

1. Ahli SPANS bersama Pegawai dari MARA (duduk di sebelah kiri).
2. Pegawai Pengurusan dan Professional Setiausaha SPANS.
3. Pengerusi SPANS menyampaikan cenderahati kepada Pegawai MARA.
4. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Siri 1/2017.

# 22 FEBRUARI 2017



## Lawatan SPANS ke SPA Negeri Selangor

1. Ahli SPANS bersama Ahli SPA Negeri Selangor di Kelab Shah Alam Selangor.
2. Pengurus SPA Negeri Selangor mengalau-alukan kedatangan delegasi SPANS di Pejabat SPA Negeri Selangor.
3. Pengurus SPANS YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Sharif bertukar cenderahati dengan Pengurus SPA Negeri Selangor, YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir.
4. Ahli SPANS melawat tempat temuduga dijalankan.

# 9 MAC 2017



**Kunjungan Hormat Ahli SPANS kepada YAB Ketua Menteri Sarawak,  
Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg  
*di Pejabat Ketua Menteri.***

# 14 MAC 2017



**Kunjungan Hormat Ahli SPANS kepada TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak,  
Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud  
*di Astana Negeri Sarawak***

# MAC 2017



**Timbalan Pengerusi SPANS,  
Datu Romie Sigan Daniel, Ahli  
Suruhanjaya dan Setiausaha  
bersama enam (6) orang Kadet  
Pegawai Tadbir Diplomatik  
(PTD) Siri 2.  
7 Mac 2017**

**SCaTS Fair 2017 - 4 Mac 2017  
di BCCK**

# APRIL 2017



**Lawatan Nostalgia Sarah J. Keith  
(bersama suami), cucu Mantan  
Pengerusi SPANS Pertama, Mr. Richard  
Leslie Vaughan Wilkes  
18 April 2017**



**Sesi Angkat Sumpah sebagai Ahli  
SPANS oleh YBhg Datu Robert  
Balangalibun  
4 April 2017**



**Mesyuarat Majlis Bersama  
Jabatan (MBJ) Bil. 2/2017  
Dormani Hotel Kuching  
6 April 2017**

# 15 APRIL 2017



**Pertandingan Bowling KRDS  
di Megalanes, Batu Kawa**

# 8 MEI 2017



## Program “Outreach” ke Bario

1. Delegasi SPANS di Lapangan Terbang Bario.
2. Mesyuarat GMAC Siri 2/2017 di bilik mesyuarat Pejabat Mikro Kementerian Dalam Negeri Bario.
3. Sekitar Pejabat Daerah Kecil Bario.
4. Jamuan di kafe Mustapha Homestay.
5. Delegasi SPANS bersama pelajar serta masyarakat Bario di Dewan Masyarakat Bario.

# 9 JUN 2017



**Majlis Berbuka Puasa SPANS  
*di BCCK***

# 21 JULAI 2017



## Lawatan Delegasi SPA Sabah ke Kuching, Sarawak

1. Delegasi SPA Sabah bersama Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar dan Ahli SPANS.
2. Tuan Speaker menemani Pengurus SPA Sabah menandatangani Buku Pelawat.
3. Tuan Speaker memberikan Cenderahati kepada Pengurus SPA Sabah.
4. Tuan Speaker bersama Ahli SPA Sabah di Dewan Jamuan Utama DUN Sarawak

# 20 JULAI 2017



①



②



③

## Program Menanam Bakau di Tapak Ramsar

Delegasi SPA Sabah turut menyertai Program Menanam Bakau di Tapak Ramsar, Semariang, Kuching dengan kerjasama Jabatan Hutan Sarawak.

1. Delegasi SPA Sabah bersama Ahli SPANS, kakitangan SPANS dan Kakitangan Jabatan Hutan Sarawak.
2. Delegasi SPA Sabah dan Ahli SPANS di Jeti Semariang Batu sebelum berangkat ke Tapak Ramsar
3. Timbalan Pengurus Setiausaha SPANS dan Delegasi SPA Sabah bersama wakil Pengarah Jabatan Hutan.

# 22 JULAI 2017



## Majlis Makan Malam Gawai Raya Bersama SPA Sabah Imperial Hotel Kuching

1. Simbolik Pembukaan Majlis; Menyalakan Lampu Pelita oleh Pengerusi SPANS dan Pengerusi SPA Sabah ditemani Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Suruhanjaya masing-masing.
2. Pengerusi SPANS menyampaikan cenderahati kepada Pengerusi SPA Sabah.
3. Ahli SPANS bersama delegasi dari SPA Sabah
4. Kakitangan SPANS memperagakan pakaian etnik masing-masing.

# 9 SEPTEMBER 2017



**Penyertaan SPANS dalam Rapat Raksasa Sempena Hari Jadi TYT, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Dataran Perayaan, Kompleks Sukan Sarawak**

# 19 SEPTEMBER 2017



**Sesi Angkat Sumpah sebagai Ahli SPANS oleh  
Datu Abdillah Adam**

**7 OKTOBER 2017**



**Menyertai Pameran Lan Berambeh 2017  
di Dewan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur**

1. Ketua Menteri Sarawak YAB Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg mengunjungi ruang pameran SPANS. Turut berkunjung, Menteri Sumber Manusia Dato' Sri Richard Riot Jaem (2) dan Mantan Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang. (3)

# 7 NOVEMBER 2017



Sesi Taklimat Peranan SPANS kepada peserta Kursus Induksi 2017

# 15 NOVEMBER 2017



**Lawatan Rombongan  
Pelajar UiTM, Kota  
Samarahan ke Pejabat  
SPANS**

# 20 DISEMBER 2017



**Majlis Dialog Bersama Ketua Jabatan di  
Hotel Purnama Limbang**

# 21 DISEMBER 2017



Lawatan Kerja Delegasi SPANS ke SPA Brunei



## *Penghargaan & Terima Kasih*

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YBhg. Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Suruhanjaya, seluruh kakitangan SPANS & semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan 2017 ini.

# LAPORAN TAHUNAN 2017

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

**Datu Abdul Ghafur bin Shariff**

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

### KETUA

**Haji Adana bin Haji Jed**

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

### AHLI

**Sebi bin Haji Abang**

**Rafi'uddin bin Rasman**

**Siti Rafeah binti Abdul Rahman**

**Katherina Bidi anak Robert Bidi**

**Khairul Ridza bin Wahed**



## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

TINGKAT 9 & 10, WISMA SATOK, JALAN SATOK,  
93400 KUCHING, SARAWAK.

NO. TELEFON : **082-23 6325 / 6554**

FAKS : **082-23 7010 / 7258**

LAMAN WEB : [www.psc.sarawak.gov.my](http://www.psc.sarawak.gov.my)

Pencetakan :



No. 37, Lot 75, Section 63, 1<sup>st</sup> Floor, Jalan Chan Bee Kiew, 93450 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-334868 Fax : 082-339535 Email : [hengsing@gmail.com](mailto:hengsing@gmail.com) Website : [www.hsbp.com.my](http://www.hsbp.com.my)